

Kejam!!!

■ Penyelia stesen minyak temui bayi dibuang dalam tangki pam tandas

FOTO: ABNOR HAMIZAM

Oleh Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor dan Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my
Tampin

“Ketika membuka tangki pam tandas, jantung saya seperti direntap apabila melihat seorang bayi dimasukkan ke dalamnya.

“Berlinang air mata mengenangkan nasib bayi tidak berdosa dibunuh ibu sendiri,” kata Baizura Junid, 42, penyelia sebuah stesen minyak di Pasir Besar, Gemas, di sini, yang menemui seorang bayi dibuang dalam tandas wanita di premis itu, kelmarin.

Bayi terbabit masih hidup ketika ditemui, namun insan kecil itu meninggal dunia dipercayai lemas ketika dibawa ke sebuah klinik berhampiran.

Baizura berkata, sebelum kejadian, kira-kira jam 4.30 petang, dia melakukan pemeriksaan di kedua-dua tandas dan mendapati tandas wanita ditutup.

Dia berasa pelik kerana tandas itu masih berkunci biarpun satu jam setengah berlalu.

“Apabila tandas dibuka semula, saya memasukinya dan terdampak air melimpah keluar dari tangki sebelum mengempamnya.

“Biarpun dipam, air tetap keluar menyebabkan saya membuka penutup tangki dan terkejut mendapati seorang bayi masih bertali pusat disumbat ke dalamnya,” katanya.

Dia kemudian mengambil tuala dan membalut bayi berkenaan sebelum menghubungi polis.

Sementara, Ketua Polis Daerah Tampin Superintendan Wooi Kooi Cheang berkata, bayi dipercayai perempuan itu dibawa ke sebuah klinik berhampiran, namun meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke klinik.



“Berlinang air mata mengenangkan nasib bayi tidak berdosa dibunuh ibu sendiri”
Baizura Junid

PEKERJA stesen minyak menunjukkan bagaimana seorang wanita yang menghalang pintu masuk ke tandas. Gambar kecil, mayat bayi ditemui dalam tangki tandas.